



فجاجة قربندهاران نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : treasury@kelantan.gov.my
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PKN.(S).1/9-1/JLD.2 (27)
Bertarih : 2 Rejab 1445H
: 14 Januari 2024

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

YB Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan,

PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Malaysia seperti berikut:

BIDANG	TOPIK	TAJUK	TARIKH KUAT KUASA
Pengurusan Wang Awam	Elaun dan Bayaran Anggota Perkhidmatan Awam	WP 1.7 – Kemudahan Tuntutan Elaun Makan bagi Juruiring/ Pengawal Peribadi/ Pengiring Rapat	1 Oktober 2023
	Majlis Rasmi Kerajaan	WP 5.2 – Peraturan untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam yang Bersara	1 Oktober 2023
Pengurusan Belanjawan	Pengurusan Perbelanjaan Awam	PB 3.2 – Bayaran kepada Kerajaan Negeri kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri di dalam Melaksanakan Projek – Projek Persekutuan	1 Jun 2016

Ruj. Kami : PKN.(S).1/9-1/JLD.2 (27)


3. Pekeliling Perbendaharaan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web <https://ppp.treasury.gov.my/> dan <https://pkn.kelantan.gov.my/>.

Kerjasama dan perhatian YB Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL, D.J.M.K.(KELANTAN)
(TENGKU KAYA PERKASA)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

Salinan kepada:

Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan

Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

Yang Berusaha Bendahari Negeri Kelantan



KERAJAAN MALAYSIA

**Peraturan Untuk Meraikan
Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara
(Kuat Kuasa 1 Januari 2023)**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

WP5.2 PERATURAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA

Perenggan	Peraturan	Muka Surat
1.	TUJUAN	2
2.	PERATURAN	2
2.1	Jamuan	2
2.2	Hadiah Penghargaan	2
2.3	Sijil Penghargaan	2
2.4	Syarat-Syarat	2
3.	HAL-HAL LAIN	3

MAJLIS RASMI KERAJAAN

WP 5.2 PERATURAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA

1. Tujuan

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara.

2. Peraturan

2.1 Jamuan

- 2.1.1 Kadar penyediaan jamuan adalah tidak melebihi RM60.00 seorang. Bilangan tetamu hendaklah dihadkan kepada pegawai yang bersara dan jemputan yang perlu sahaja.

2.2 Hadiah Penghargaan

- 2.2.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang bersesuaian dengan kadar keseluruhan tidak melebihi RM600.00 seorang.

2.3 Sijil Penghargaan

- 2.3.1 Pemberian dan penyediaan Sijil Penghargaan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP.1.2.10: Sijil Penghargaan Kepada Pesara dan Bekas Pegawai Awam dan pindaannya.

2.4 Syarat-Syarat

- 2.4.1 Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
- 2.4.2 bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat secara tetap dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;

- 2.4.3 bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;
- 2.4.4 pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Kementerian atau Jabatan;
- 2.4.5 majlis hendaklah diadakan sekali setahun sahaja. Penganjuran majlis digalakkan di peringkat Kementerian yang meliputi semua Jabatan dan Agensi di bawahnya mengikut kesesuaian;
- 2.4.6 lokasi penganjuran majlis seboleh-bolehnya diadakan di Kementerian/ Jabatan masing-masing; dan
- 2.4.7 Kementerian/ Jabatan seboleh-bolehnya mengadakan majlis persaraan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai setelah bersara seperti tambang perjalanan (Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tiket Kapal Terbang).

3. Hal-Hal Lain

- 3.1 Kementerian/ Jabatan yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti daripada Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian/ Jabatan masing-masing.
- 3.2 Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Kementerian/ Jabatan masing-masing.
- 3.3 Sekiranya majlis diadakan setelah pegawai bersara, pesara yang menghadiri majlis persaraan layak menuntut tambang perjalanan (Tambang Pengangkutan Awam/ Elaun Perjalanan Kenderaan/ Tiket Kapal Terbang) mengikut kelayakan gred terakhir sebelum bersara di bawah Pekeling Perbendaharaan WP1.4 dan pindaannya. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh Jabatan terakhir sebelum bersara.